

Dr. M mohon maaf dakwa Abdullah miliki rumah agam di Australia

UM- 19/4/2007

PUTRAJAYA 18 April – Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta maaf kepada Perdana Menteri, mengenai dakwaannya bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memiliki sebuah rumah agam di Australia.

Abdullah mahupun anaknya, Kamaluddin tidak memiliki rumah itu yang dianggarkan berharga RM60 juta yang terletak berdekatan dengan Sungai Swan di Perth seperti yang didakwa Dr. Mahathir sebelum ini. Ia sebenarnya milik ahli perniagaan Malaysia, Datuk Patrik Lim.

“Saya tidak sepatutnya membuat kenyataan itu kerana saya menyatakan sesuatu berdasarkan khabar angin yang saya dengar dan khabar angin itu berulang kali mengatakan bahawa rumah itu milik beliau (Perdana Menteri).

“Dan tentunya apabila kita sudah terba-wa-bawa selepas memberikan ucapan seperti itu, kita tidak menapis diri kita dan kita tidak berhati-hati mengenai apa yang kita cakap-kan, jadi saya menyatakannya dan saya minta maaf kerana memperkatakan sesuatu yang salah,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada Siri Syarahan Perdana ke-6 mengenai “Media dan Pembangunan Nasional” di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Bekas Perdana Menteri itu membuat dak-waan demikian pada satu majlis ceramah di Kulai, Johor, baru-baru ini.

“Saya sepatutnya diperbetulkan dan saya sangat berbesar hati bahawa rakyat seme-mangnya memberi perhatian terhadap dak-waan saya dan mereka mendapat tahu baha-wa orang yang memiliki rumah itu bukan PM, bukan anaknya, tetapi orang lain,” katanya.

– Bernama